

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas : \_\_\_\_\_

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang betul.

akrab / agar / anak emas / bersopan santun / cahaya mata

sombong / sebaya / lapang / tekun / membantu

### Jiran Baharu Saya

Encik Zainal ialah jiran baharu saya. Beliau sekeluarga tinggal di sebelah rumah saya. Mereka baru sahaja berpindah ke sini 1\_\_\_\_\_ ( pada / sejak ) dua bulan yang lepas. Encik Zainal sekeluarga berasal 2\_\_\_\_\_ ( dari / daripada ) Alor Setar, Kedah.

Encik Zainal seorang peniaga yang 3\_\_\_\_\_ ( tamak / jujur ). Beliau membuka kedai runcit di taman perumahan kami. Isterinya, Puan Habsah ialah suri rumah tangga sepenuh masa yang 4\_\_\_\_\_ ( = rajin ). Beliau menguruskan kerja rumah dan menyediakan hidangan 5\_\_\_\_\_ ( untuk / demi ) keluarganya setiap hari.

Encik Zainal dan Puan Rosnani mempunyai seorang 6\_\_\_\_\_ ( = anak ), Arif. Arif ialah 7\_\_\_\_\_ ( = anak kesayangan ) mereka. Arif 8\_\_\_\_\_ ( = seusia ) dengan saya. Kami belajar di sekolah yang sama. Setiap hari, kami pergi ke sekolah 9\_\_\_\_\_ ( untuk / dengan ) menaiki bas sekolah.

Arif ialah seorang murid yang cemerlang. Namun, dia tidak bersikap 10\_\_\_\_\_ ( = angkuh ). Apabila saya menghadapi masalah dalam peperiksaan, dia akan 11\_\_\_\_\_ ( = menolong ) saya. Sikap Arif yang 12\_\_\_\_\_ ( = berbudi bahasa ) menyebabkan kawan-kawan suka mendampinginya.

Pada masa 13\_\_\_\_\_ ( = senggang ), kami sering berbasikal di halaman rumah. Kadang kala, kami bermain bola sepak di padang. Walaupun saya dan Arif baru berkenalan, hubungan kami 14\_\_\_\_\_ ( = erat ) seperti isi dengan kuku.

Encik Zainal dan keluarganya sangat peramah. Mereka sering bertegur sapa dengan jiran tetangga. Oleh itu, 15\_\_\_\_\_ ( sesetengah / para / semua ) jiran suka bergaul dengan mereka.

Saya berasa gembira kerana boleh tinggal berjiran dengan Encik Zainal sekeluarga. Saya berharap 16\_\_\_\_\_ ( = supaya ) mereka sentiasa sihat dan dicucuri rahmat.